

Boon Siew Honda Memperkenalkan Honda Impian X

Konsep Ruang Pameran Baharu Yang Pertama di Malaysia

JOHOR, 21 Januari 2018 – Boon Siew Honda (BSH) telah melancarkan secara rasmi pusat jualan konsep Honda Impian X yang pertama di Johor, Malaysia. Pusat jualan dan perkhidmatan sehenti yang memaparkan rekaan terkini itu menawarkan model-model motosikal Honda dengan enjin berkuasa sehingga 300cc. Ia dilengkapi dengan pelbagai perkhidmatan yang bertujuan untuk menyokong permintaan yang kian bertambah dan pada masa yang sama, terus menyediakan lebih banyak kemudahan kepada pelanggan.

Susulan kejayaan Kedai Impian Honda yang diperkenalkan pada 2010, BSH kini bersedia untuk mempertingkatkan aras perniagaannya dengan memperkenalkan Honda Impian X kepada umum – menawarkan pengalaman ruang jualan generasi baharu di pasaran.

Menyedari akan keperluan pelanggan yang sentiasa berubah-ubah, di samping jangkaan dan sikap pasaran yang pelbagai, Honda Impian X direka khusus dan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan gaya hidup moden seperti WiFi percuma dan ruang menunggu yang menyajikan makanan dan minuman ringan, kesemuanya bertujuan untuk menyediakan keselesaan dan pengalaman terbaik kepada pelanggan.

Melalui pengenalan Honda Impian X, BSH juga mempertingkatkan pengalaman perkhidmatan selepas jualan dengan memperkukuhkan prosedur standard perkhidmatan bengkel. Pelanggan akan dilayan secara profesional oleh kakitangan perkhidmatan dan boleh yakin bahawa penyelenggaraan motosikal mereka dilaksanakan menurut garis panduan BSH.

Di Honda Impian X, para pengedar disediakan dengan peralatan lengkap dan teknologi terkini yang dikendalikan oleh kakitangan teknikal terlatih dengan menggunakan alat ganti tulen bagi menyediakan penjagaan yang sesuai dan perkhidmatan terbaik untuk setiap pelanggan Honda.

Keselamatan sentiasa menjadi keutamaan BSH. Sehubungan itu, Honda Impian X komited dalam menyediakan khidmat Pre Delivery Safety Advice (PDSA) kepada kesemua pelanggan yang membuat pembelian motosikal baharu. Para pelanggan akan dididik mengenai langkah-langkah keselamatan jalan raya yang penting oleh jurulatih keselamatan di pusat ini semasa proses penyerahan motosikal mereka.

“Dengan pelancaran Honda Impian X, BSH menjangkakan peningkatan jualan sebanyak 21% dalam tempoh 12 bulan yang akan datang. Kami juga amat berbesar hati untuk mengumumkan bahawa kami merancang untuk membuka 10 lagi pusat Honda Impian X di seluruh negara menjelang akhir 2018,” kata En.Nobuhide Nagata, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BSH.

Press Information

BSH merekodkan jumlah jualan sebanyak 120,613 unit pada 2017, meningkat sebanyak 19% berbanding 2016. Johor menyumbang kira-kira 14% daripada jumlah jualan BSH iaitu lebih 16,000 unit dan merupakan penyumbang kedua tertinggi jualan syarikat di antara 13 negeri di Malaysia.

Pusat Honda Impian X pertama yang dilancarkan hari ini dikendalikan oleh Swee Seng Heng Sdn Bhd, yang telah menjadi salah satu pengedar sah motosikal Honda di Johor sejak 1990.

“Sebagai pengedar sah Honda sejak lebih 25 tahun lalu, saya amat berbangga kerana dilantik sebagai pengedar Honda Impian X yang pertama di Malaysia. Ruang pameran yang unik ini telah menarik perhatian pelanggan, baharu mahupun sedia ada, sebelum majlis perasmianya lagi. Dengan sokongan berterusan BSH, saya rasa yakin dan menantikan kejayaan perniagaan masa depan Honda Impian X,” kata En. David Ker, Pengarah Urusan Swee Seng Heng Sdn Bhd.

Pembukaan Honda Impian X yang seterusnya adalah di bawah Hip Seng Motors dan Kin Wah Motors di Perak pada suku pertama tahun ini.

Untuk membuat tempahan atau mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kemudahan dan perkhidmatan Honda Impian X, pelanggan boleh menghubungi Swee Seng Heng Sdn Bhd di 07-530 0595/07-530 0596 atau mengunjungi mereka di No 29 & 31, Medan Nusa Perintis 2, Taman Nusa Perintis, 81550 Gelang Patah, Johor mahupun melayari laman www.facebook.com/sweesenghengmotorsdnbhd.

-TAMAT-

Mengenai Boon Siew Honda Sdn Bhd

Boon Siew Honda Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama antara Honda Motor Co., Ltd. dan Oriental Holdings Bhd, mula beroperasi pada September 2008 dengan memegang dua matlamat iaitu menggabungkan penghasilan dan jualan motosikal di Malaysia dan mencapai kepuasan pelanggan dan keberkesanan perniagaan yang lebih tinggi. Sebelum kewujudan syarikat baharu berkenaan, Boon Siew Sdn Bhd bertanggungjawab bagi pengeluaran dan perniagaan pukal produk motorsikal Honda di Malaysia. Sungguhpun membayangkan usaha sama dengan syarikat-syarikat Honda lain di seluruh dunia, Boon Siew Honda Sdn Bhd akan memperkukuhkan daya saingnya dan berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang melangkaui jangkaan pelanggan.

Untuk pertanyaa media, sila hubungi:

Rantau
Ryan Lee
012-322 6301
ryan@rantaupr.com.my

Boon Siew Honda
Tan Mei Pheng
012-487 0677
mptan@bswhonda.com.my